

# PENGLIBATAN DAN PEMERKASAAN KOMUNITI DALAM PROJEK WAKAF DI MALAYSIA: STRATEGI INKLUSIF BAGI MENJAMIN KELESTARIAN WAKAF

## *COMMUNITY ENGAGEMENT AND EMPOWERMENT IN WAQF PROJECTS IN MALAYSIA: AN INCLUSIVE STRATEGY TO ENSURE SUSTAINABILITY OF WAQF*

Nurul Mazrah Manshor<sup>1</sup>

Rohayati Hussin<sup>2</sup>

Farahdina Fazial<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Malaysia  
(E-mail: mazrah@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Malaysia  
(E-mail: roha427@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: farahdinafazial@uitm.edu.my)

### Article history

**Received date** : 25-8-2024  
**Revised date** : 26-8-2024  
**Accepted date** : 20-10-2024  
**Published date** : 25-10-2024

### To cite this document:

Manshor, N. M., Hussin, R., & Fazial, F. (2024).  
Penglibatan dan pemerksaan komuniti dalam  
Projek Wakaf di Malaysia: Strategi inklusif bagi  
menjamin kelestarian wakaf. *Journal of Islamic,  
Social, Economics and Development (JISED)*, 9  
(67), 162 - 173.

**Abstrak:** *Penglibatan dan pemerksaan komuniti adalah aspek penting dalam memastikan kejayaan dan kelestarian projek wakaf di Malaysia. Namun, banyak projek wakaf menghadapi cabaran seperti kurangnya penglibatan awal komuniti, ketelusan dan akauntabiliti yang terhad, serta kekurangan program pembangunan kapasiti. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi-strategi inklusif yang boleh meningkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan, pelaksanaan, dan pengurusan projek wakaf. Menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini meneroka sorotan literatur daripada buku, jurnal, dan dapatan kajian terdahulu. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan penglibatan dan pemerksaan komuniti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi seperti perancangan partisipatif atau libat sama, pelaksanaan kolaboratif, ketelusan dalam pengurusan dana, dan pembangunan kapasiti komuniti adalah kunci kepada kejayaan projek wakaf. Melalui penglibatan komuniti dalam perancangan awal, projek wakaf dapat meningkatkan rasa memiliki dan tanggungjawab dalam kalangan komuniti. Ketelusan dalam pengurusan dana membantu membina kepercayaan dan sokongan, manakala program latihan dan pendidikan yang relevan memperkasakan komuniti untuk terlibat secara efektif. Pelaksanaan projek yang melibatkan tenaga kerja tempatan dan program sukarela memupuk komitmen jangka panjang. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa strategi-strategi yang dicadangkan berpotensi meningkatkan keberkesanan dan memberi impak kepada projek wakaf bagi memastikan kelestariannya dalam jangka panjang. Ia juga diharap dapat*

*menyumbang kepada literatur pengurusan wakaf bagi penyediaan model penglibatan komuniti yang boleh diterapkan secara meluas di seluruh Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Penglibatan dan Pemeraksanaan, Komuniti, Wakaf, Strategi, Pelaksanaan*

**Abstract:** *Community engagement and empowerment are important to ensure the success and sustainability of waqf projects in Malaysia. However, many waqf projects face challenges such as a lack of early community engagement, limited transparency and accountability, and a lack of capacity-building programs. This study aims to identify inclusive strategies that can increase community engagement in the planning, implementation, and management of waqf projects. This study uses a qualitative approach to explore literature highlights from books, journals, and previous research findings. Thematic analysis was used to identify key themes related to community engagement and empowerment. The study's findings show that strategies such as participatory planning, collaborative implementation, transparency in fund management, and community capacity building are vital to the success of waqf projects. Through community engagement in early planning, waqf projects can increase the sense of ownership and responsibility among the community. Transparency in fund management helps build trust and support, while relevant training and education programs empower communities to engage effectively. Project implementation involving local workforce and volunteer programs fosters long-term commitment. This study concludes that the proposed strategies have the potential to increase the effectiveness and impact of the waqf project to ensure its sustainability in the long term. It is also hoped to contribute to the waqf management literature to provide a community involvement model that can be widely applied throughout Malaysia.*

**Keywords:** *Engagement and Empowerment, Community, Waqf, Strategy, Implementation*

---

## **Pengenalan**

Wakaf merupakan institusi filantropi Islam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat. Di Malaysia, wakaf digunakan untuk membiayai pelbagai projek, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur, yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat (Usman & Ab Rahman, 2022). Walau bagaimanapun, kejayaan dan kelestarian projek wakaf sangat bergantung kepada penglibatan dan pemeraksanaan komuniti dalam setiap peringkat perancangan, pelaksanaan, dan pengurusan (Suhaimi & Suhaimi, 2020).

Penglibatan komuniti merujuk kepada proses di mana komuniti setempat terlibat secara aktif dalam membuat keputusan mengenai projek yang akan dilaksanakan dalam kawasan mereka. Ini termasuk penyertaan dalam menentukan keperluan dan keutamaan projek, serta pelaksanaan dan pemantauan projek tersebut (Laila et al., 2022). Pemeraksanaan komuniti pula merujuk kepada usaha untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan komuniti untuk terlibat secara langsung dalam projek wakaf antaranya melibatkan penyediaan latihan dan pendidikan yang relevan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan komuniti mengenai pengurusan projek wakaf (Rosli et al., 2020).

Dalam konteks Malaysia, penglibatan dan pemeraksanaan komuniti dalam projek wakaf masih menghadapi beberapa cabaran. Ini termasuk kekurangan penglibatan awal komuniti dalam perancangan projek, ketelusan dan akauntabiliti yang terhad dalam pengurusan dana, serta kekurangan program pembangunan kapasiti untuk komuniti setempat (Pitchay et al., 2018).

Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengembangkan strategi inklusif yang dapat meningkatkan penglibatan dan pemeraksanaan komuniti dalam projek wakaf (Saad et al., 2017). Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mengenal pasti strategi inklusif yang boleh digunakan untuk melibatkan komuniti dalam perancangan, pelaksanaan, dan pengurusan inisiatif wakaf di Malaysia. Melalui sorotan literatur dan analisis data daripada pelbagai sumber, kajian ini menawarkan beberapa cadangan untuk pengurus projek wakaf dan pembuat dasar dalam usaha mereka untuk memperkasakan komuniti setempat (Mahat et al., 2015). Dengan mengamalkan strategi-strategi yang telah dikenalpasti, projek wakaf dapat mencapai matlamat sosial dan ekonominya, sambil memupuk sokongan dan komitmen jangka panjang daripada komuniti (Amuda et al., 2016).

### **Sorotan Literatur**

Sorotan literatur ini bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai penglibatan dan pemeraksanaan komuniti dalam projek wakaf. Kajian ini mengumpulkan pandangan dari pelbagai sumber akademik dan kajian terdahulu untuk memahami cabaran, peluang, dan amalan terbaik yang berkaitan dengan penglibatan komuniti dalam perancangan, pelaksanaan, dan pengurusan projek wakaf. Selain itu, sorotan ini juga meneliti konsep ketelusan, akauntabiliti, dan pembangunan kapasiti sebagai elemen penting dalam memastikan kejayaan dan kelestarian projek wakaf, sambil mempertimbangkan faktor budaya dan sosioekonomi yang mempengaruhi penglibatan komuniti.

### **Definisi dan Kepentingan Penglibatan Komuniti dalam Projek Pembangunan Sosial**

Penglibatan komuniti merujuk kepada proses di mana individu dan kumpulan dalam komuniti terlibat secara aktif dalam membuat keputusan dan melaksanakan tindakan yang mempengaruhi mereka dalam konteks pembangunan sosial. Ia penting kerana penglibatan ini memastikan projek yang dilaksanakan adalah relevan, diterima baik oleh komuniti, dan berpotensi untuk bertahan dalam jangka panjang. Selain itu, penglibatan komuniti dapat membina kepercayaan antara pihak yang terlibat, mengurangkan konflik, dan memperkukuh kapasiti komuniti untuk mengurus perubahan sosial yang berlaku di persekitaran mereka (Teo & Loosemore, 2017).

### **Teori dan Model Penglibatan Komuniti dalam Konteks Projek-Projek Berasaskan Komuniti**

Penglibatan komuniti adalah elemen penting dalam kejayaan projek sosial, dan pelbagai model dan teori telah dibangunkan untuk memastikan penglibatan ini berlaku secara efektif dan menyeluruh. Model seperti *Multilevel Community Engagement Model* (MCEM), *Participatory Action Research* (PAR) dan *The Quadruple Helix Model* (QHM) menunjukkan bagaimana kolaborasi yang mendalam dan partisipatif boleh membawa kepada hasil yang lebih baik dan mampan dalam komuniti.

#### ***i. Multilevel Community Engagement Model (MCEM)***

MCEM ini menekankan interaksi dinamik dan timbal balik antara kumpulan pemegang kepentingan di tiga tahap penglibatan (proksimal, berpengaruh, dan holistik). Model ini mendorong kolaborasi yang kuat, koordinasi yang efektif, dan komunikasi terbuka di antara para pemegang kepentingan (Raza, 2021).

#### ***ii. Participatory Action Research (PAR)***

PAR adalah pendekatan yang sering digunakan dalam projek pembangunan komuniti, yang melibatkan komuniti secara langsung dalam proses penyelidikan dan pembangunan.

Pendekatan ini memfokuskan pada pembinaan kapasiti dalam komuniti dan memastikan bahawa suara komuniti didengar dan dihormati dalam semua tahap projek (Day, 2009).

### **iii. The Quadruple Helix Model (QHM)**

Dalam konteks pembangunan luar bandar, QHM ini melibatkan empat pihak utama (universiti, industri, kerajaan, dan masyarakat sivil) dalam pembangunan sosial. Model ini menekankan kepentingan pengetahuan tempatan dan penglibatan komuniti dalam memacu inovasi sosial dan pembangunan mampan (Nordberg et al., 2020).

## **Sejarah dan Perkembangan Wakaf di Malaysia**

Wakaf telah memainkan peranan penting dalam sejarah Islam, termasuk di Malaysia, sebagai satu mekanisme untuk menyalurkan kekayaan dari individu kepada masyarakat umum untuk manfaat yang berterusan. Di Malaysia, konsep wakaf telah berkembang dari amalan tradisional seperti wakaf tanah dan bangunan kepada wakaf tunai dan wakaf korporat yang lebih kontemporari. Institusi-institusi seperti *Al-Bukhary Foundation* dan Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad di Malaysia telah mengadaptasi model pengurusan wakaf yang lebih moden untuk mencapai tujuan sosioekonomi yang lebih luas (Saad et al., 2017). Selain itu, wakaf di Malaysia juga semakin diiktiraf sebagai instrumen kewangan alternatif yang boleh meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan negara (Khairi et al., 2014).

## **Sumbangan Wakaf kepada Pendidikan, Kesihatan, dan Infrastruktur di Malaysia**

Wakaf di Malaysia telah melalui evolusi yang signifikan dan memainkan peranan yang besar dalam pembangunan sosioekonomi negara. Melalui sumbangannya dalam pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur, wakaf terus menjadi alat penting dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memperkukuh pembangunan negara. Antara sumbangan wakaf dapat dilihat melalui:-

### **i. Pendidikan**

Wakaf telah memainkan peranan penting dalam pembangunan institusi pendidikan di Malaysia. Contohnya, banyak universiti awam telah mula menubuhkan dana wakaf untuk menyokong operasi mereka dan mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Ini termasuk pembiayaan untuk program-program akademik dan projek-projek penyelidikan (Usman & Ab Rahman, 2022). Wakaf juga digunakan untuk membina infrastruktur pendidikan seperti sekolah dan universiti (Harun et al., 2016).

### **ii. Kesihatan**

Institusi wakaf juga memberikan sumbangan penting dalam sektor kesihatan. Di Malaysia, dana wakaf digunakan untuk membiayai kemudahan kesihatan dan perkhidmatan perubatan, terutamanya bagi golongan miskin dan memerlukan. Ini termasuk penyediaan klinik kesihatan, hospital, dan program kesihatan komuniti (Ainol-Basirah & Siti-Nabiha, 2020).

### **iii. Infrastruktur**

Wakaf juga telah menyumbang kepada pembangunan infrastruktur umum seperti pembinaan masjid, jalan raya, dan projek-projek komuniti lain yang memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat. Projek wakaf ini bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup tetapi juga menyokong pembangunan ekonomi dengan menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh komuniti (Rahman, 2009).

### **Strategi Penglibatan Komuniti dalam Perancangan Projek Wakaf**

Penglibatan komuniti dalam perancangan projek wakaf adalah sangat penting untuk memastikan kelestarian dan kejayaan projek. Kajian kes dari pelbagai negara menunjukkan bahawa strategi seperti komunikasi dua hala, penglibatan aktif penduduk tempatan, dan kepimpinan karismatik boleh membawa kepada hasil yang lebih baik dan projek yang lebih lestari.

### **Kepentingan Perancangan Partisipatif dalam Projek Wakaf**

Perancangan partisipatif adalah pendekatan yang melibatkan komuniti secara langsung dalam proses perancangan dan pelaksanaan projek wakaf. Ini adalah penting kerana penglibatan komuniti memastikan bahawa projek wakaf bukan sahaja relevan dengan keperluan tempatan tetapi juga mendapat sokongan dan komitmen daripada penduduk setempat. Pendekatan ini meningkatkan rasa pemilikan komuniti terhadap projek tersebut, yang seterusnya menyumbang kepada kelestarian jangka panjang projek wakaf. Kajian menunjukkan bahawa penglibatan komuniti secara efektif dapat mempercepatkan pelaksanaan projek, mengurangkan risiko konflik, dan memperbaiki hasil akhir yang dicapai (Maina, 2020).

### **Kajian Kes dan Contoh Strategi yang Berjaya dalam Melibatkan Komuniti dalam Perancangan Sesuatu Projek**

#### **i. Kajian Kes 1: Pengurusan Sumber Semula Jadi Berasaskan Komuniti di Afrika Selatan.**

Kajian kes ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti yang bermula dari tahap awal perancangan hingga pelaksanaan projek membawa kepada kejayaan yang signifikan. Komunikasi dua hala antara komuniti dan pihak pelaksana serta peranan kepimpinan karismatik dalam komuniti adalah kunci utama yang memastikan komuniti memahami dan menyokong objektif projek. Ini memperkukuh kepemilikan dan keberdayaan komuniti dalam melaksanakan projek tersebut (Dyer et al., 2014).

#### **ii. Kajian Kes 2: Projek Pembangunan Komuniti di Vietnam.**

Projek ini melibatkan pendekatan perancangan partisipatif di mana penduduk tempatan di *Tam Thanh*, Vietnam, diberi peranan aktif dalam setiap langkah perancangan. Hasilnya, projek ini bukan sahaja memenuhi keperluan sebenar komuniti tetapi juga memastikan bahawa nilai-nilai komuniti dikekalkan dan dikembangkan secara mampan. Strategi utama adalah penglibatan sukarelawan, pakar, dan kerajaan tempatan secara kolaboratif yang menghasilkan penyelesaian yang disesuaikan dengan keadaan tempatan (Nguyen & Dang, 2019).

#### **iii. Kajian Kes 3: Program Solidariti Nasional di Afghanistan.**

Melalui pendekatan partisipatif dalam penilaian keperluan, perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan, program ini berjaya meningkatkan kelestarian projek pembangunan komuniti. Keterlibatan komuniti dalam setiap fasa memastikan bahawa projek yang dilaksanakan benar-benar mencerminkan keperluan dan aspirasi penduduk tempatan, yang seterusnya mengurangkan konflik dan meningkatkan sokongan komuniti terhadap projek tersebut (Noori, 2017).



## Kajian Kes Penglibatan Komuniti dalam Projek Wakaf di Malaysia

### i. Kajian Kes 1: Waqf An-Nur Corporation dan Johor Corporation

Waqf An-Nur Corporation (WANCorp) di bawah Johor Corporation (JCorp) adalah salah satu contoh inisiatif wakaf yang berjaya di Malaysia. WANCorp telah berjaya memanfaatkan aset wakaf untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan melalui rangkaian Klinik Waqf An-Nur yang menawarkan rawatan kesihatan pada kos yang rendah kepada masyarakat. Inisiatif ini menunjukkan bagaimana pengurusan wakaf yang berkesan dapat membawa manfaat besar kepada komuniti, terutama dalam sektor kesihatan (Harun et al., 2016). Satu lagi contoh adalah inisiatif oleh JCorp yang telah menubuhkan rangkaian perniagaan berasaskan wakaf yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi di negeri Johor. JCorp telah berjaya menggabungkan prinsip wakaf dengan strategi perniagaan moden untuk memaksimumkan nilai ekonomi aset wakaf, sekaligus meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat (Borham & Mahamood, 2013).

### ii. Kajian Kes 2: Projek Hotel Wakaf oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Pembangunan projek hotel wakaf oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) juga antara satu contoh kajian kes yang melibatkan penglibatan komuniti dalam projek wakaf di Malaysia. Projek ini melibatkan pembinaan hotel-hotel wakaf di beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia, yang bertujuan untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi melalui penggunaan tanah wakaf secara optimal. Empat buah hotel telah dibina di atas tanah wakaf di antara tahun 2010 hingga tahun 2013. Antaranya, *Klana Beach Resort* (Port Dickson), *Princess Beach Hotel* (Tanjung Kling), *Hotel Seri Warisan* (Taiping) and *Grand Princess* (Kuala Terengganu). Kajian ini mendapati bahawa projek hotel wakaf ini bukan sahaja menjana pendapatan tetapi juga menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Penglibatan komuniti dalam projek ini, terutamanya melalui peluang pekerjaan dan ekonomi, telah meningkatkan sokongan dan keberhasilan projek tersebut dalam mencapai matlamat sosioekonominya (Suhaimi & Suhaimi, 2020).

### Implikasi Penglibatan Komuniti terhadap Keberkesanan Projek Wakaf

Penglibatan komuniti dalam projek wakaf memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan keberkesanan dan kelestarian projek tersebut. Hubungan yang terjalin antara penglibatan komuniti dan keberkesanan projek terutamanya dilihat melalui peningkatan rasa tanggungjawab dan pemilikan terhadap projek tersebut. Apabila komuniti terlibat secara aktif dalam proses perancangan dan pelaksanaan, mereka cenderung memberikan sokongan yang lebih kukuh dan berterusan. Kajian mendapati bahawa penglibatan komuniti yang kuat boleh membawa kepada peningkatan kepuasan penerima manfaat serta memastikan projek kekal relevan dan sesuai dengan keperluan komuniti tempatan (Ananga et al., 2020).

Penglibatan komuniti juga didapati mempunyai kesan positif terhadap hasil projek, terutamanya dalam meningkatkan kualiti keputusan yang diambil dan menjamin kelestarian jangka panjang. Komuniti yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan cenderung untuk melaksanakan projek dengan lebih baik kerana mereka memahami keperluan tempatan dan dapat mengelakkan masalah yang mungkin timbul akibat kekurangan pengetahuan teknikal luar (Khwaja, 2004).

Dari sorotan literatur ini, dapatlah disimpulkan bahawa penglibatan dan pemeraksanaan komuniti adalah elemen penting dalam memastikan kejayaan dan kelestarian projek wakaf di Malaysia.

Melalui kajian terhadap pelbagai teori, model, dan kajian kes, sorotan ini telah menunjukkan bahawa pendekatan yang partisipatif dan inklusif dalam perancangan, pelaksanaan, dan pengurusan projek wakaf dapat meningkatkan sokongan, kepercayaan, dan rasa memiliki dalam kalangan komuniti. Penglibatan komuniti tidak hanya memastikan bahawa projek wakaf relevan dengan keperluan dan nilai tempatan, tetapi juga memperkukuh keberdayaan komuniti dalam mengurus dan memanfaatkan aset wakaf untuk manfaat jangka panjang. Oleh itu, strategi yang lebih berfokus kepada penglibatan komuniti dan ketelusan dalam pengurusan perlu diterapkan untuk mencapai matlamat sosioekonomi yang lebih luas dan memastikan impak positif yang berkekalan dalam pembangunan masyarakat.

### **Permasalahan Kajian**

Projek wakaf di Malaysia mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi, khususnya dalam bidang pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang menghalang keberkesanan dan kelestarian projek-projek ini. Salah satu masalah utama ialah kekurangan penglibatan komuniti dari peringkat awal perancangan projek wakaf. Tanpa penglibatan yang bermakna dari komuniti, projek wakaf mungkin tidak dapat memenuhi keperluan sebenar dan keutamaan penduduk setempat, yang seterusnya boleh mengakibatkan kekurangan sokongan dan penerimaan terhadap projek tersebut (Abdul Rahman & Amanullah, 2017).

Selain itu, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana wakaf sering kali dipersoalkan, yang menyebabkan ketidakpercayaan dalam kalangan komuniti dan seterusnya mengurangkan sokongan mereka terhadap projek-projek tersebut. Kekurangan dalam aspek ini boleh menjejaskan integriti dan kredibiliti institusi wakaf, yang mana amat penting untuk memastikan sokongan berterusan daripada komuniti dan penderma. Oleh itu, adalah kritikal bagi institusi wakaf untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan mereka bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian projek-projek wakaf (Yaacob, Petra, & Abdul Rahman, 2016).

Tambahan pula, program pembangunan kapasiti yang tidak mencukupi telah menyukarkan komuniti untuk terlibat secara efektif dalam pengurusan dan pelaksanaan projek wakaf. Tanpa pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, komuniti mungkin tidak dapat memberikan sumbangan yang berkesan, yang seterusnya boleh mengakibatkan kurangnya rasa memiliki dan tanggungjawab terhadap projek tersebut (Sulistyowati et al., 2022).

Selain itu, pelaksanaan projek wakaf yang tidak melibatkan tenaga kerja tempatan dan program sukarela cenderung mengurangkan peluang bagi komuniti untuk terlibat secara aktif. Kurangnya penglibatan ini boleh menyebabkan projek tersebut gagal mencapai matlamat yang diharapkan dan tidak memberi impak maksimum kepada komuniti setempat (Azmi et al., 2022).

Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini adalah relevan untuk mengenal pasti strategi yang lebih efektif dalam penglibatan dan pemerksaan komuniti, dengan memberi tumpuan kepada perancangan partisipatif dan libat sama, pelaksanaan kolaboratif, pengurusan yang telus, dan pembangunan kapasiti yang berfokus. Diharapkan, dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada peningkatan keberkesanan dan kelestarian projek wakaf di Malaysia.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami dan menganalisis strategi penglibatan dan pemeraksanaan komuniti dalam projek wakaf di Malaysia. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan pandangan yang mendalam mengenai pengalaman, cabaran, dan amalan terbaik dalam melibatkan komuniti setempat dalam pelbagai aspek projek wakaf (Roberts, Dowell, & Nie, 2019). Kajian ini juga direka bentuk sebagai kajian kes yang eksploratori, dengan fokus kepada beberapa projek wakaf yang telah dilaksanakan di Malaysia. Kajian kes membolehkan penyelidik mengkaji dengan lebih mendalam tentang konteks, proses, dan hasil penglibatan komuniti dalam projek-projek ini (Baxter & Jack, 2008).

Kajian literatur pula melibatkan analisis terhadap kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan pengurusan wakaf, penglibatan komuniti, dan pembangunan kapasiti. Literatur yang dikaji termasuk artikel jurnal, buku, laporan tahunan, dan dokumen-dokumen lain yang relevan. Sorotan literatur ini memberikan asas teori dan konteks bagi kajian ini, serta membantu dalam memahami amalan terbaik yang boleh diterapkan dalam pengurusan projek wakaf di Malaysia (Thomas & Harden, 2008).

Data yang dikumpul melalui analisis dokumen dan kajian literatur dianalisis menggunakan analisis tematik. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan penglibatan dan pemeraksanaan komuniti dalam projek wakaf, seperti perancangan partisipatif, pelaksanaan kolaboratif, dan ketelusan dalam pengurusan (Roberts, Dowell, & Nie, 2019).

Data-data daripada pelbagai sumber (dokumen, dan literatur) digabungkan untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Triangulasi data membantu dalam mengesahkan maklumat dan mengenal pasti sebarang ketidakserasian dalam data yang dikumpulkan, serta meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian (Jick, 1979).

Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini membolehkan penyelidik mendapatkan pandangan yang mendalam dan menyeluruh mengenai strategi penglibatan dan pemeraksanaan komuniti dalam projek wakaf di Malaysia. Hasil daripada analisis data ini akan digunakan untuk mengemukakan cadangan yang praktikal dan berasas bagi meningkatkan keberkesanan dan kelestarian projek wakaf di Malaysia.

## Dapatan & Perbincangan Kajian

Kajian ini mendedahkan beberapa isu kritikal yang mempengaruhi keberkesanan dan kelestarian projek wakaf di Malaysia, dengan penekanan terhadap penglibatan dan pemeraksanaan komuniti setempat. Salah satu dapatan utama menunjukkan bahawa banyak projek wakaf di Malaysia masih kekurangan penglibatan komuniti dari peringkat awal perancangan. Ketiadaan penglibatan yang bermakna dalam fasa ini menyebabkan projek-projek tersebut kurang selari dengan keperluan dan keutamaan komuniti, yang seterusnya mengakibatkan kekurangan sokongan daripada penduduk setempat. Penglibatan awal komuniti adalah penting untuk memastikan bahawa projek wakaf benar-benar relevan dan memenuhi kehendak lokal, seperti yang ditegaskan oleh Abdul Rahman & Amanullah, 2017. Kekurangan ini memperlihatkan keperluan mendesak untuk pendekatan yang lebih inklusif dalam pengurusan wakaf.



Selain itu, isu ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana wakaf turut dikenal pasti sebagai masalah utama yang menjejaskan kepercayaan komuniti terhadap projek-projek tersebut. Kajian ini mengesahkan bahawa ketidakjelasan dalam penggunaan dana sering kali menimbulkan ketidakpercayaan di kalangan komuniti, yang seterusnya melemahkan sokongan mereka terhadap projek-projek wakaf. Ini menunjukkan perlunya laporan kewangan yang lebih kerap dan terperinci serta penubuhan mekanisme pemantauan seperti lembaga penasihat yang terdiri daripada wakil komuniti, seperti yang disarankan oleh Mazura et al. (2022).

Tambahan pula, kajian ini mendapati bahawa program pembangunan kapasiti yang disediakan untuk komuniti adalah tidak mencukupi. Tanpa latihan yang sesuai dalam pengurusan projek dan literasi kewangan, komuniti tidak dapat menyumbang dengan berkesan dalam pengurusan dan pelaksanaan projek wakaf. Kekurangan pembangunan kapasiti ini mengakibatkan komuniti berasa kurang memiliki dan bertanggungjawab terhadap projek, sekaligus menjejaskan keberkesanan pelaksanaan projek tersebut. Dapatan ini memperkuat kepentingan memperkukuhkan program latihan dan pembangunan kapasiti bagi memastikan komuniti dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk terlibat secara bermakna dalam projek wakaf, seperti yang dinyatakan oleh Sulistyowati et al. (2022).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan projek wakaf yang tidak melibatkan tenaga kerja tempatan atau sukarelawan dari komuniti cenderung menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kurangnya rasa komitmen daripada komuniti. Penglibatan komuniti dalam pelaksanaan projek, sama ada melalui peluang pekerjaan atau program sukarela, terbukti dapat meningkatkan rasa memiliki dan menyokong kejayaan projek. Ini bukan sahaja memberi manfaat ekonomi kepada komuniti setempat tetapi juga membantu memastikan projek dijalankan dengan cara yang selaras dengan nilai dan budaya tempatan, seperti yang diperlihatkan dalam kajian oleh Azmi et al. (2022).

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa penglibatan dan pemerksaan komuniti adalah kunci kepada kejayaan dan kelestarian projek wakaf di Malaysia. Tanpa penglibatan yang bermakna, ketelusan dalam pengurusan, pembangunan kapasiti yang mencukupi, dan pelaksanaan kolaboratif, projek wakaf mungkin menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan keberkesanannya. Oleh itu, adalah penting untuk pengurus projek dan pihak berkepentingan lain mengamalkan pendekatan yang lebih inklusif dan berfokus kepada komuniti dalam setiap peringkat pengurusan projek wakaf.

### **Cadangan & Kesimpulan**

Kajian ini menegaskan pentingnya penglibatan dan pemerksaan komuniti dalam memastikan kejayaan dan kelestarian projek wakaf di Malaysia. Penglibatan komuniti dari peringkat awal perancangan didapati sangat penting untuk memastikan projek wakaf memenuhi keperluan dan keutamaan setempat, serta memperoleh sokongan yang kukuh. Ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana wakaf juga dikenalpasti sebagai faktor utama yang mempengaruhi kepercayaan dan sokongan komuniti. Oleh itu, perancangan partisipatif atau libat sama, peningkatan ketelusan melalui laporan berkala, dan penubuhan lembaga penasihat komuniti adalah langkah yang dicadangkan. Selain itu, pembangunan kapasiti komuniti melalui program latihan yang berfokus pada literasi kewangan dan pengurusan projek adalah penting untuk memastikan penyertaan yang efektif. Pelaksanaan kolaboratif yang melibatkan tenaga kerja tempatan dan program sukarela juga diperlukan untuk meningkatkan rasa memiliki dan tanggungjawab komuniti terhadap projek.

Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa strategi-strategi ini berpotensi meningkatkan keberkesanan dan memberi impak kepada projek wakaf, serta memastikan kelestariannya dalam jangka panjang. Namun, terdapat bidang-bidang yang memerlukan kajian lanjut, termasuk penilaian impak jangka panjang penglibatan komuniti terhadap kelestarian projek wakaf, kajian perbandingan antara model wakaf di pelbagai negara, dan eksplorasi peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan penglibatan komuniti. Kajian lanjut mengenai pengaruh faktor budaya terhadap penglibatan komuniti juga diperlukan untuk membangunkan strategi pengurusan yang lebih sesuai dengan konteks setempat. Kajian-kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan yang lebih komprehensif dan berasas untuk mempertingkatkan pengurusan projek wakaf yang lebih mampan di Malaysia.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penulisan dan penerbitan makalah ini.

### Rujukan

- Ainol-Basirah, A., & Siti-Nabiha, A. (2020). The roles of Islamic social finance in the era of post-COVID-19: Possible prospects of waqf institutions for economic revival. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. <https://doi.org/10.15282/ijim.7.0.2020.5747>
- Amuda, Y., Razak, D., & Ahmedhas, A. (2016). Application of cash waqf in the empowerment of widows in Malaysia. *Journal of Management Science and Technology*, 4(3), 255-259. <https://doi.org/10.12720/joams.4.3.255-259>
- Ananga, E., Agong', S., Acheampong, M., Njoh, A., & Hayombe, P. (2020). Examining the effect of community participation on beneficiary satisfaction with the work of water management committee in urban community-based operated water schemes. *Sustainable Water Resources Management*, 6(1), 1-13. <https://doi.org/10.1007/s40899-020-00408-5>
- Azmi, A., Hanif, N., & Mahamood, S. (2022). Mitigating the structural governing challenges for waqf land development in Malaysia through Special Property Development Entity (SPDE). *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 1067, 1-8. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/1067/1/012087>
- Baxter, P., & Jack, S. (2008). Qualitative case study methodology: Study design and implementation for novice researchers. *The Qualitative Report*, 13(4), 544-559.
- Borham, A., & Mahamood, S. (2013). Wakaf korporat Johor Corporation dan sumbangannya dalam memenuhi tanggungjawab sosial Islam di Malaysia: Satu tinjauan. *Journal of Techno-Social*, 5(1), 1-10.
- Day, P. (2009). An engagement strategy for community network research and design. In M. Gurstein, K. R. Stewart (Eds.), *Handbook of Research on Strategies for Local E-Government Adoption and Implementation: Comparative Studies* (pp. 78-93). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/978-1-60566-264-0.ch006>
- Dyer, J., Stringer, L., Dougill, A., Leventon, J., Nshimbi, M., Chama, F., Kafwifwi, A., Muledi, J., Kaumbu, J., Falcão, M., Muhorro, S., Munyemba, F., Kalaba, G., & Syampungani, S. (2014). Assessing participatory practices in community-based natural resource management: Experiences in community engagement from southern Africa. *Journal of Environmental Management*, 137(1), 137-145. <https://doi.org/10.1016/j.jenvman.2013.11.057>
- Harun, F., Possumah, B., Shafiai, M., & Nor, A. (2016). Issues and economic role of waqf in higher education institution: Malaysian experience. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah*, 8(1), 149-162. <https://doi.org/10.15408/aiq.v8i1.1997>

- Jick, T. (1979). Mixing qualitative and quantitative methods: Triangulation in action. *Administrative Science Quarterly*, 24(4), 602-611. <https://doi.org/10.2307/2392366>
- Khairi, K., Aziz, M., Laili, N., Nooh, M., Sabri, H., & Basah, M. (2014). Human and economic development through share waqf (waqf corporate): The case of GLCs in Malaysia. *Development Economics: Women*, 3(1), 47-55.
- Khwaja, A. (2004). Is increasing community participation always a good thing? *Journal of the European Economic Association*, 2(2-3), 427-436. <https://doi.org/10.1162/154247604323068113>
- Kutum, I., Fraser, I., & Hussainey, K. (2015). The application of business risk audit methodology within non-Big-4 firms. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 13(2), 226-246. <https://doi.org/10.1108/jfra-03-2014-0015>
- Laila, N., Ratnasari, R., Ismail, S., Mohd Hidzir, P. A., & Mahphoth, M. H. (2022). The intention of small and medium enterprises' owners to participate in waqf: The case of Malaysia and Indonesia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Mahat, M. A., Jaaffar, M., & Abdul Rasool, M. S. (2015). Potential of micro-waqf as an inclusive strategy for development of a nation. *Procedia: Economics and Finance*, 31(1), 42-49.
- Maina, B. (2020). Participatory communication strategies used in the implementation of public water projects in Murang'a County: Case study of Northern Collector Tunnel, Kenya. *Journal of Arts and Humanities*, 9(5), 01-12. <https://doi.org/10.18533/journal.v9i5.1882>
- Mohaiyadin, N., Aman, A., Palil, M., & Said, S. (2022). Addressing accountability and transparency challenges in waqf management using blockchain technology. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 8(1), 58-79. <https://doi.org/10.21098/jimf.v8i0.1413>
- Nguyen, N., & Dang, H. (2019). Adaptation of "participatory method" in design "for/with/by" the poor community in Tam Thanh, Quang Nam, Vietnam. *Smart and Sustainable Cities and Buildings*, 2(2), 145-153. <https://doi.org/10.1108/sasbe-01-2019-0012>
- Noori, H. (2017). Community participation in sustainability of development projects: A case study of National Solidarity Program Afghanistan. *Journal of Culture, Society and Development*, 30(1), 27-34.
- Nordberg, K., Mariussen, Å., & Virkkala, S. (2020). Community-driven social innovation and quadruple helix coordination in rural development: Case study on LEADER group Aktion Österbotten. *Journal of Rural Studies*, 79(1), 157-168. <https://doi.org/10.1016/j.jrurstud.2020.08.001>
- Pitchay, A. A., Thas Thaker, M. A. M., Mydin, A., Azhar, Z., & Abdul Latiff, A. R. (2018). Cooperative-waqf model: A proposal to develop idle waqf lands in Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 10(2), 81-92.
- Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *International Journal of Mechanical and Materials Engineering*, 17(1), 113-152.
- Raza, H. (2021). Social justice and community development: A multilevel community engagement model to effectively work with families living in culturally-diverse communities in Pakistan. *ASEAN Journal of Community Engagement*, 5(1), 1-14. <https://doi.org/10.7454/ajce.v5i1.1111>
- Roberts, K., Dowell, A., & Nie, J. (2019). Attempting rigour and replicability in thematic analysis of qualitative research data; a case study of codebook development. *BMC Medical Research Methodology*, 19(1), 66-79. <https://doi.org/10.1186/s12874-019-0707-y>

- Rosli, M., Alias, P., & Hamid, D. (2020). Socio-economic impact of selected waqf projects: Terengganu Culinary Academy & USIM's Specialist Medical Clinic. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 1(3), 23-32. <https://doi.org/10.53840/ijiefer33>
- Sukmana, R., Ratnasari, R., & Widiastuti, T. (2022). Issues and challenges of waqf in providing healthcare resources. *Islamic Economic Studies*, 29(1), 53-68. <https://doi.org/10.1108/ies-09-2021-0034>
- Saad, N., Kayadibi, S., & Hamid, Z. (2017). The contribution of waqf institutions in Malaysia and Turkey in improving the socio-economic conditions of the society. *Turkish Journal of Islamic Economics*, 4(1), 1-29. <https://doi.org/10.15238/tujise.2014.4.1.1-29>
- Siraj, S. A., & Ismail, Y. (2015, November). Strategic planning and accountability of waqf management in Malaysia. *Proceedings of the 4th International Conference on Inclusive Islamic Financial Sector Development*.
- Suhaimi, F., & Suhaimi, A. (2020). Development of waqf land for economic development: Is a hotel a viable project?. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(1), 19-29. <https://doi.org/10.33102/mjssl.v8i1.190>
- Teo, M., & Loosemore, M. (2017). Understanding community protest from a project management perspective: A relationship-based approach. *International Journal of Project Management*, 35(8), 1444-1458. <https://doi.org/10.1016/j.ijproman.2017.08.004>
- Thomas, J., & Harden, A. (2008). Methods for the thematic synthesis of qualitative research in systematic reviews. *BMC Medical Research Methodology*, 8, 45-45. <https://doi.org/10.1186/1471-2288-8-45>
- Usman, M., & Rahman, A. (2022). Funding higher education through waqf: A lesson from Malaysia. *International Journal of Ethics and Systems*, 38(2), 314-332. <https://doi.org/10.1108/ijoes-12-2021-0217>
- عبد الرحمن, M., & الله, M. (2017). Challenges and problems facing the application of temporary waqf in selected states of Malaysia: New issues and their guiding rules. *Journal of King Abdulaziz University-Islamic Economics*, 30(3), 291-314. <https://doi.org/10.4197/islec.30-3.12>